

KERJA PELANCARAN STRUKTUR GANTRI DI LALUAN ANTARA PLAZA TOL SUNGAI BESI DAN PERSIMPANGAN UPM DI KM309.7 LEBUHRAYA UTARA-SELATAN PADA 19 JULAI, 12.01 TENGAH MALAM HINGGA 5.00 PAGI

Petaling Jaya, 18 Julai 2025:- PLUS Malaysia Berhad (PLUS) ingin memaklumkan bahawa kerja-kerja pelancaran struktur gantri oleh kontraktor yang dilantik akan dilaksanakan pada 19 Julai 2025 (Sabtu) di laluan antara Plaza Tol Sungai Besi dan Persimpangan UPM di KM309.7 (Kedua-dua Arah), di Lebuhraya Utara-Selatan mulai jam 12.01 tengah malam sehingga 5.00 pagi.

Bagi memastikan keselamatan pengguna lebuh raya, lengcongan jalan sementara akan diaktifkan secara berperingkat semasa kerja-kerja dijalankan. Dalam tempoh tersebut, pengguna lebuh raya daripada Plaza Tol Sungai Besi yang menghala ke selatan/UPM/Kajang/Bangi akan dilengcongkan ke laluan Stesen Minyak BHP selepas laluan masuk Plaza Tol Sungai Besi.

Manakala, bagi pengguna daripada arah Bangi/Kajang yang menghala ke Kuala Lumpur/Sungai Besi akan dilengcongkan keluar di Plaza Tol UPM dan seterusnya menggunakan Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA) sebagai laluan alternatif.

(Sila rujuk Infografik seperti di lampiran)

Pengguna lebuh raya disarankan supaya merancang perjalanan mereka sepanjang tempoh tersebut. Mereka juga dinasihatkan supaya mematuhi semua papan tanda trafik serta arahan yang dikeluarkan oleh petugas PLUS ketika melalui kawasan terbabit.

Pengguna lebuh raya juga boleh mendapatkan maklumat trafik terkini menerusi Aplikasi PLUS, Pembantu Maya PUTRI, Aplikasi X@plustrafik atau Papan Tanda Elektronik (VMS) di lokasi-lokasi terpilih. Orang ramai juga boleh menghubungi talian PLUSLine di 1800-88-0000 sekiranya ingin mendapatkan bantuan apabila berlaku kecemasan.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-2097092 Emel: mash_itah@plus.com.my	Rofina Adam Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my
-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------